

NO. SOALAN: 144

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS(2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF  
[RANTAU PANJANG]**

**TARIKH : 9 Jun 2014**

**SOALAN :**

**Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk memberi penerangan dan kefahaman tentang Undang-Undang Kanun Jenayah Syariah (Hudud) kepada masyarakat sebagaimana GST, untuk mengelakkan sebarang kekliruan dan salah faham.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN  
HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, objektif undang-undang jenayah syariah adalah untuk menghalang penjenayah, melindungi hak-hak dan kepentingan rakyat, serta mengekalkan keamanan dan ketenteraman masyarakat. Untuk itu, Kerajaan dari semasa ke semasa

sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa agama negeri dalam memberi kefahaman berkaitan dengan ajaran Islam secara umum kepada rakyat Malaysia termasuklah hukum-hukum jenayah syariah.

Di peringkat Persekutuan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sebagai agensi penyelaras yang menjadi rujukan bagi hal ehwal Islam, bukan sahaja bertanggungjawab untuk menerangkan kepada masyarakat umum tentang undang-undang jenayah syariah di Malaysia, malah termasuk juga apa-apa perkara yang berkaitan dengan Islam seperti isu halal dan kefatwaan. Selain daripada penggunaan media cetak dan media elektronik, JAKIM turut mengadakan seminar-seminar berkaitan jenayah syariah yang memberi pemahaman kepada masyarakat awam tentang undang-undang jenayah Syariah yang sedang berkuatkuasa pada ketika ini. Pada 16 Disember 2013 yang lalu, JAKIM telah menganjurkan Seminar Pencegahan Jenayah Syariah sekaligus melancarkan **Dasar dan Pelan Pencegahan Jenayah Syariah Malaysia** yang mensasarkan penglibatan agensi kerajaan dan bukan kerajaan serta masyarakat umum ke arah mewujudkan ummah bebas jenayah Syariah.

Selain daripada usaha bagi menggalakkan pelaksanaan prinsip amar makruf dan nahi mungkar secara bersepadu, objektik utama Dasar dan Pelan Pencegahan Jenayah Syariah ini adalah untuk meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan masyarakat untuk menyumbang ke arah melahirkan *khaira ummah* yang bebas jenayah syariah. Pelan ini mengandungi 4 fasa yang bermula pada tahun 2014 hingga fasa terakhir pada tahun 2020. Pelaksanaan pelan ini menekankan kepada 7 teras strategik berikut, iaitu:

- i. peningkatan penghayatan agama;
- ii. penyelidikan terencana;
- iii. penyelarasan maklumat jenayah syariah;
- iv. pemerkasaan pendidikan;
- v. pemantapan institusi keluarga;
- vi. pengukuhan undang-undang; dan
- vii. kolaborasi strategik inter-agensi

Pelan ini dibangunkan sebagai menyambut pelaksanaan **Dasar Sosial Negara** (DSN) yang merupakan pelan pembangunan sosial berteraskan nilai-nilai murni dan peningkatan keupayaan insan bagi mencapai kesepaduan dan kestabilan sosial, ketahanan nasional dan kesejahteraan hidup masyarakat di negara ini.

Penjelasan kepada masyarakat bukan Islam pula, peranan ini dilaksanakan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Majlis Dakwah Negara (MDN), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) Islam yang lain. Pewujudan badan-badan bukan kerajaan seumpama ini adalah bertujuan untuk memberi kefahaman Islam yang tepat termasuk undang-undang jenayah syariah kepada masyarakat umum melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, dialog, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan

Muzakarah Jenayah Syariah Kebangsaan pada 29 Mei 2014 secara terbuka kepada orang awam sempena Program Dakwah Negara 2014. Tujuan utama Muzakarah ini adalah untuk mencetuskan perbincangan secara konstruktif dan objektif berteraskan ilmu dan fakta mengenai pelaksanaan Hudud di Malaysia yang melibatkan para ulama, cendekiawan, wakil parti-parti politik dan pemimpin masyarakat. Program seperti ini sedikit sebanyak dapat menzahirkan perspektif yang lebih jernih dan luhur mengenai hukum hudud di samping memberikan kefahaman secara tuntas mengenai pelbagai faktor yang perlu diambil kira dalam melaksanakan hukum hudud di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH (JASIN)**

**TARIKH : 09.06.2014 (ISNIN)**

**DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH (JASIN), MINTA MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan usaha-usaha baru untuk membasmi penyeludupan, penipuan dan ketirisan minyak petrol dan diesel termasuk ke negara jiran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan  
Kepenggunaan (KPDNKK) sedar bahawa aktiviti

penyeludupan, penipuan dan ketirisan minyak petrol dan diesel bersubsidi ini amat sukar untuk dihapuskan secara menyeluruh selagi wujudnya jurang harga yang sangat besar antara pasaran domestik dan antarabangsa. Keadaan ini berlaku kerana harga minyak petrol dan diesel di Negara ini diberi subsidi yang tinggi oleh kerajaan supaya rakyat dapat menikmati harga yang lebih murah.

Tanpa mengetepikan segala tindakan yang telah dijalankan sebelum ini, Kementerian telah memperkenalkan beberapa lagi usaha baru untuk memerangi ketirisan melalui tindakan penguatkuasaan. Bermula pada 15 Mei yang lalu, Kementerian telah memulakan gerakan baru secara besar-besaran di seluruh negara melalui operasi bersepadu yang dikenali sebagai OPS TITIK. Operasi ini sedang dan akan menggempur semua *hotspot* di semua peringkat pengedaran petrol bersubsidi, diesel bersubsidi dan Gas Petroleum Cecair bersubsidi di seluruh negara. Samada di peringkat depoh, pemborong, stesen minyak, stor haram, di darat mahupun di perairan, semuanya akan kita gempur.

Selaku agensi peneraju, Kementerian sendiri menggerakkan operasi secara bersepadu serta memberi bantuan dan

kerjasama penuh kepada seluruh agensi penguatkuasaan yang lain termasuk kepada operasi yang digerakkan dibawah Pasukan Petugas Khas Jabatan Peguam Negara. Antara agensi penguatkuasaan yang terlibat secara langsung dalam operasi ini ialah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Unit Pencegah Penyeludupan (UPP), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan beberapa agensi penguatkuasaan yang lain.

Sejak OPS TITIK ini digerakkan, sehingga 31 Mei 2014, telah berjaya mematahkan kegiatan menyelewengkan bahan petroleum bersubsidi ini dengan mencatat 97 kes yang melibatkan rampasan dianggarkan bernilai RM4.25 juta. Semua jenayah yang dipatahkan ini melibatkan orang perseorangan serta sindiket yang bergerak di sempadan negara, di darat, di pelabuhan dan juga di kawasan perairan negara.

Dalam tempoh 17 hari OPS TITIK ini digerakkan serta dengan sokongan dari operasi-operasi lain yang dilakukan oleh pelbagai agensi, telah mula melihat impak yang agak

positif iaitu kejadian *stock-out* minyak diesel yang sebelum ini kerap berlaku terutamanya pada akhir setiap bulan, kini sudah berkurangan dengan mendadak. Ini menunjukkan operasi yang sedang dijalankan telah menunjukkan kejayaan awal yang sangat membanggakan. Kementerian sangat berharap agar tindakan yang berterusan ini akan dapat mengurangkan jumlah kuantiti bahanapi petrol, diesel dan gas petroleum cecair yang diberi subsidi ini akan berkurangan pada penghujung tahun 2014 nanti.

### **Tuan Yang DiPertua,**

Satu lagi langkah terbaharu yang telah diambil adalah dengan mengenakan kuota jualan bagi petrol RON 95 ke atas stesen-stesen minyak dalam radius 25 km. dari sempadan negara. Sebagai permulaan, tindakan ini dilaksanakan di negeri Kelantan berkuatkuasa mulai 1 Jun 2014 dan diharap ianya akan dapat mengurangkan penyelewengan ke atas bahan api tersebut.

Bagi memastikan tiada penjenayah yang terlepas daripada tindakan undang-undang, KPDNKK juga sedang menambahbaik peruntukan undang-undang sedia ada. Akta



Kawalan Bekalan 1961 sedang dipinda bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa termasuk memperuntukkan penalti yang lebih berat.

KPDNKK sedang berusaha untuk memperkenalkan semula kaedah penandaan diesel bersubsidi yang pernah digunakan sebelum ini dari tahun 2006 hingga Mac 2011 yang mana telah menunjukkan impak yang sangat berkesan dalam mengekang kegiatan penyelewengan bahanapi tersebut.

**Tuan Yang DiPertua,**

Di sebalik segala usaha penguatkuasaan yang diambil dalam memerangi jenayah yang merugikan Negara ini, Kerajaan turut menimbang langkah-langkah lain yang lebih efektif termasuklah untuk merasionalisasikan subsidi ke atas bahanapi tersebut dengan memperkenalkan sistem pengagihan subsidi yang bersasar. Jika sistem ini dapat diperkenalkan, saya percaya isu ketirisan dan penyelewengan petrol dan diesel bersubsidi ini akan dapat diatasi dengan lebih berkesan lagi.